NAMA:..................................................

TING:..................................................

**3767/2**
**Ekonomi**
**Kertas 2**
**Oktober 2020**
**2 1/4 jam**

No. Kad Pengenalan.......................................  Angka Giliran.......................................

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5**
**SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2020**

# EKONOMI
## KERTAS 2
Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B** .
3. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B**.
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | |
|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah |
| A | 1 | |
| | 2 | |
| B | 3 | |
| | 4 | |
| | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| Jumlah | | |

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*

3767/2 ©2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

## Bahagian A

[60 markah]

*Jawab **semua** soalan di bahagian ini.*

1 (a) Bagaimanakah sistem ekonomi negara yang dikuasai sepenuhnya oleh swasta menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

[2 markah]

(ii) Untuk siapa hendak dikeluarkan

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

[2 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan penawaran Barang Z oleh dua buah firma dalam pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti ditawar (Unit) | |
|---|---|---|
| | Firma A | Firma B |
| 10 | 8 | 12 |
| 15 | 12 | 18 |
| 20 | 16 | 24 |

(i) Lukis keluk penawaran pasaran bagi Barang Z.

[4 markah]

3767/2@2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

3767/2@2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

(ii) Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran pada (b)(i).

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

[6 markah]

(c) Rajah di bawah menunjukkan permintaan terhadap suatu barang.




Terangkan penentu perubahan permintaan di atas.

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

[6 markah]

3767/2@2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

2 (a) Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta (%ΔQ) dan peratus perubahan harga (%ΔP) bagi dua jenis barang.

| Barang | Peratus Perubahan Kuantiti Diminta (%ΔQ) | Peratus Perubahan Harga (%ΔP) |
|---|---|---|
| X | 15 | 10 |
| Y | 8 | 12 |

(i) Kira nilai keanjalan harga permintaan Barang X dan Barang Y?

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[2 markah]

(ii) Bezakan jenis keanjalan harga permintaan bagi kedua barang tersebut.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[4 markah]

3767/2@2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

(b) Gambar di bawah merujuk kepada logo salah satu komponen wajib dalam pengiraan pendapatan boleh guna.

(i) Jelaskan pendapatan boleh guna.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[2 markah]

(ii) Huraikan komponen di atas.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[3 markah]

(c) Nyatakan ciri-ciri pengeluaran jangka masa pendek.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[3 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran tahunan sebuah firma.

| Tahun | Jumlah keluaran (unit) |
|---|---|
| 2019 | 1.3 juta |
| 2018 | 1.2 juta |
| Andaian : Jumlah input tetap dan input berubah tidak berubah | |

Jelaskan:
(i) konsep ekonomi yang berkaitan dengan situasi di atas.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 markah]

(ii) faktor yang mempengaruhi perubahan dalam (d)(i).

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[4 markah]

3 (a) Logo di bawah berkaitan dengan sebuah syarikat pengangkutan di Malaysia.

KTM
Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Mengapakah kerajaan berperanan sebagai pengeluar tunggal dalam menyediakan perkhidmatan tersebut?

[6 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan imbangan akaun semasa Malaysia.

| |
|---|
| Malaysia mencatat lebihan akaun semasa sebanyak RM16.4Bilion pada suku tahun pertama 2019, yang mengatasi jangkaan umum sebanyak RM13Bilion.<br>Sumber:BH Online 3 Jun 2020 |

Terangkan tiga faktor yang menyumbang kepada kedudukan akaun tersebut.

[6 markah]

(c) Rajah di bawah menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).




(i) Jelaskan kadar pertukaran asing pada titik E.

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 markah]

(ii) Bagaimanakah keseimbangan pasaran pertukaran asing dicapai apabila kadar pertukaran berada di X?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[6 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

4 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar kerajaan.

| |
|---|
| Penurunan kadar caruman pekerja daripada 11% kepada 7% seperti diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 akan berkuatkuasa mulai bulan April 2020 hingga Disember 2020. Pilihan diberikan kepada pekerja jika mahu mengekalkan caruman pada 11%.<br><br>Sumber:https://www.kwsp.gov.my/ms/-reduction-of-statutory-contribution-rate-for-employees |

(a) Jelaskan kepentingan pekerja membuat caruman tersebut.
[5 markah]

(b) Mengapakah berlakunya perubahan dalam kadar di atas?
[6 markah]

(c) Anda memilih untuk mengekalkan kadar caruman sedia ada.
Bincangkan. [9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan penjualan sejenis barang kawalan dalam pasaran.

| |
|---|
| Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mendapati harga jualan telur ayam yang dipamerkan adalah RM1 sebiji tanpa dinyatakan gred telur tersebut. Satu notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga terbabit dan disiasat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.<br><br>Sumber ubahsuai: BERNAMA 11 April 2020 |

(a) Huraikan peranan kerajaan dalam situasi di atas? [5 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan mengawal harga barang tersebut semasa musim perayaan? [6 markah]

(c) Pemberian subsidi ke atas barang kawalan memberi faedah lebih banyak kepada pengguna berbanding pengeluar.
Buktikan. [9 markah]

6 Statistik di bawah berkaitan dengan pasaran buruh di Malaysia.

| | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| | (‘000 orang) | (‘000 orang) | (‘000 orang) |
| Tenaga Buruh | 14 263.6 | 14 518.0 | 14 667.8 |
| Guna Tenaga | 13 852.6 | 14 067.7 | 14 163.7 |
| Pengangguran | 411.1 | 450.3 | 504.1 |

Sumber ubahsuai: Kementerian Kewangan Malaysia 2018

(a) Jelaskan trend aliran buruh daripada tahun 2014 hingga 2016.
[4 markah]

(b) Mengapakah berlakunya perubahan dalam kadar pengangguran di atas?
[7 markah]

(c) Bagaimanakah kerajaan berperanan dalam memastikan guna tenaga di atas tercapai?
[9 markah]

7 Maklumat di bawah berkaitan dengan hubungan dagangan antara Malaysia dan India.

> Malaysia dijangka berhadapan masalah mendapatkan bekalan bawang merah selepas pengeksport terbesar dunia, India mengambil keputusan menghadkan penjualannya ke negara lain. Tindakan ini bagi menjamin ketersediaan stok dalam pasaran tempatan berikutan banjir teruk yang melanda negara itu. Malaysia mengimport 70% bawang merah dari negara India. Cubaan mengimport bawang dari negara lain seperti China masih tidak dapat menampung permintaan yang tinggi. Pembeli Malaysia suka bawang dari India kerana rasanya sedap, kos pengangkutan murah dan masa penghantaran yang cepat berbanding negara China. Walaupun terdapat saranan supaya kerajaan menanam sendiri tanaman tersebut namun ianya adalah tidak praktikal.
>
> Sumber ubahsuai: Harian Metro 27 Disember 2019

(a) Terangkan tiga faktor yang menyebabkan tanaman tersebut tidak praktikal di sini.
[6 markah]

(b) Huraikan bentuk sekatan perdagangan yang dikenakan oleh India terhadap Malaysia.
[5 markah]

(c) Bincangkan keberkesanan sekatan dalam (b) berbanding tarif.
[9 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**
**RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN B**

3767/2@2020 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan